



Tan Sri Abdul Wahid Omar
Pengerusi

Penyataan Pengerusi

Para Pemegang Saham yang dihormati,

Tahun 2023 merupakan tahun kemajuan yang ketara yang dipenuhi dengan inovasi, produk dan penyelesaian baharu, serta penambahbaikan pada pasaran ketika Bursa Malaysia beralih ke arah menjadi Bursa Pelbagai Aset untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pihak berkepentingan kami.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin melaporkan bahawa, walaupun tahun 2023 penuh dengan cabaran yang saling berkait, Bursa Malaysia kekal sebagai pengukuh dalam mengembangkan sistem kewangan dan ekonomi Malaysia. Kami terus melaksanakan tujuan kami untuk mewujudkan peluang dan meningkatkan nilai bagi pasaran modal, ekonomi dan masyarakat Malaysia. Dalam meninjau prestasi kami pada tahun 2023, terbukti bahawa kami telah mencapai kemajuan yang baik dalam memupuk pasaran yang lebih dinamik, inovatif dan inklusif, juga dengan secara aktif memupuk amalan kemampunan yang kukuh untuk memacu agenda kemampunan dalam kalangan perniagaan dan untuk negara.

Penyataan Pengerusi

Pada masa yang sama, kami melunaskan tanggungjawab utama kami bagi memastikan pasaran yang adil dan teratur, seiring usaha berterusan meneraju perkembangan dalam bidang ini. Pencapaian kami dalam lanskap operasi yang mencabar, terkesan dari cabaran luaran, adalah bukti dedikasi dan ketegasan pasukan kami di Bursa Malaysia, dan petunjuk positif bahawa kami bersedia untuk mengemudi cabaran dan peluang di hadapan.

Bursa Malaysia terus menyediakan komponen asas untuk membangunkan ekosistem alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) yang teguh untuk pasaran dan pelanggan kami, serta mempersiapkan diri kami untuk melakukan lebih banyak lagi pada masa hadapan. Kemajuan dan usaha ini meletakkan kami di landasan yang kukuh untuk ke peringkat seterusnya demi pertumbuhan dan perjalanan transformasi kami dalam mengukuhkan kedudukan kami sebagai Bursa Pelbagai Aset. Bursa Malaysia telah dan tetap komited sebagai platform yang dipercayai bagi pengumpulan dana, pelaburan, dan dagangan yang memenuhi keperluan pihak berkepentingan yang berubah selaras dengan misi kami untuk '**Mewujudkan Peluang, Meningkatkan Nilai**'.

Ulasan Tahun 2023

Tahun dalam tinjauan menunjukkan beberapa siri perkembangan yang mencabar, termasuk gangguan berterusan daripada konflik geopolitik, pengetatan dasar monetari global untuk membendung inflasi, dan pertumbuhan yang lembap di beberapa ekonomi utama. Ini telah memperlambangkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global, yang dijangkakan terus menyederhana kepada 2.6% pada tahun 2023 daripada 3.0% pada tahun sebelumnya.

Walaupun dengan cabaran-cabaran ini, pasaran baharu dan ekonomi membangun secara amnya telah mengatasi prestasi ekonomi maju. Ekonomi Malaysia, terutamanya, telah menunjukkan daya tahan yang tinggi dalam menghadapi cabaran, dengan pertumbuhan KDNK sebanyak 3.7% pada tahun 2023. Pertumbuhan ekonomi negara telah didorong oleh permintaan domestik yang lebih kukuh dibantu oleh keadaan pasaran buruh yang lebih menggalakkan, pengurangan tekanan inflasi, pelaburan yang lebih tinggi, dan pemulihan dalam aktiviti pelancongan, menampang eksport yang semakin lemah dan merosot seiring dengan kelembapan ekonomi luar.

Mengekalkan pasaran ekuiti yang aktif selepas pandemik COVID-19 terus menjadi cabaran bagi bursa-bursa global. Namun begitu, usaha berterusan Bursa Malaysia untuk meningkatkan daya saing pasaran kita, beserta keadaan makroekonomi yang berdaya tahan pada tahun ini, telah menarik aliran pelabur yang stabil, termasuk syarikat-syarikat yang memilih untuk membuat tawaran awam permulaan (IPO). Pada tahun 2023, sebanyak 32 syarikat telah disenaraikan (2022: 35 syarikat), dengan dana terkumpul sebanyak RM3.6 bilion (2022: RM3.5 bilion) dan menyumbang RM13.6 bilion (2022: RM11.2 bilion) kepada keseluruhan permodalan pasaran. Dari segi prestasi Pasaran Sekuriti, keseluruhan permodalan pasaran mengembang sebanyak 3.5% pada tahun 2023, sementara nilai purata dagangan harian (ADV) dicatatkan pada RM2.06 bilion (2022: RM2.07 bilion).

¹ Sumber: Global Economic Prospects, Bank Dunia (Januari 2024).



Walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran pada tahun 2023, kami terus melaksanakan peranan kami sebagai pengawal selia barisan hadapan dan pengendali pasaran untuk memastikan keteraturan pasaran dan menyampaikan nilai mampan kepada pihak berkepentingan kami.



Prestasi indeks penanda aras FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBMKLCI) muncul sebagai kedua terbaik ASEAN, dengan peningkatan sebanyak 5.7% pada separuh kedua tahun 2023 dan berakhir pada tahap 1,454.66 mata. Ini merupakan lantunan yang sihat daripada 1,376.68 mata yang dicatatkan pada penutup bulan Jun 2023. Secara keseluruhan, FBMKLCI merosot sebanyak 2.7% pada tahun 2023 (2022: -4.6%). Walaupun tidak terlepas dari menyaksikan pengaliran keluar dana asing, setara dengan pasaran ASEAN yang berhadapan ketidaktentuan makroekonomi global, pasaran ekuiti Malaysia mempamerkan pengaliran keluar dana asing yang kedua terendah dalam kalangan rakan ASEAN, dengan jumlah pengaliran keluar sebanyak USD495 juta. Kebanyakan rakan serantau mencatatkan jumlah pengaliran keluar yang lebih besar antara USD863 juta kepada USD5.5 bilion.

Di Pasaran Derivatif, purata kontrak harian (ADC) yang didagangkan merosot pada tahun 2023 kepada 72,896 kontrak (2022: 78,621 kontrak), sebahagian besarnya disebabkan oleh kurangnya turun naik harga minyak sawit mentah (CPO). Di Pasaran Islam pula, berikutan pertumbuhan nilai dagangan dua digit yang kukuh pada tahun 2020 dan 2021, ADV di Bursa Suq Al-Sila' (BSAS) merosot sedikit kepada RM45.1 bilion pada tahun 2023 (2022: RM45.6 bilion).

Walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran pada tahun 2023, kami terus melaksanakan peranan kami sebagai pengawal selia barisan hadapan dan pengendali pasaran untuk memastikan keteraturan pasaran dan menyampaikan nilai mampan kepada pihak berkepentingan kami. Oleh itu, Lembaga Pengarah telah mengumumkan dividen akhir sebanyak 14.0 sen sesaham, menjadikan jumlah keseluruhan dividen bagi tahun 2023 sebanyak 29.0 sen sesaham (2022: 26.5 sen). Ini mewakili nisbah pembayaran dividen sebanyak 93% (2022: 95%), sejajar dengan amalan kami sebelum ini.



Mempertingkat Kemampunan dalam Pasaran Kami

Kami secara aktif sedang membentuk agenda ESG bagi Korporat Malaysia melalui pendekatan pelbagai aspek termasuk mempertingkatkan keperluan pendedahan kemampunan, pendidikan dan peningkatan kemahiran, peralatan, dan ekosistem yang lebih menyokong melalui penglibatan dan advokasi.

Wacana mengenai kemampunan dan tadbir urus korporat (CG) telah dipergiatkan sepanjang dekad yang lalu. Kerajaan dan pengawal selia dunia, termasuk di Malaysia, telah mengeluarkan seruan yang jelas agar korporat dan peserta pasaran menjadi lebih bertanggungjawab terhadap isu-isu seperti CG yang baik, kemampunan dan perubahan iklim. Sebagai pengawal selia barisan hadapan pasaran modal Malaysia, Bursa Malaysia memimpin melalui teladan untuk memacu perubahan dan meningkatkan piawaian CG serta amalan kemampunan di kalangan syarikat.

Bursa Malaysia sentiasa menekankan bahawa kemampunan harus bermula dari atas. Sejak beberapa tahun yang lalu, kami telah melaksanakan program dan meningkatkan rangka kerja untuk memastikan bahawa pemimpin syarikat tersenarai awam (PLCs) sedar dan berkebolehan dalam mengemudi organisasi mereka dan mendekati kemampunan dengan cara yang teliti. Pada tahun 2023, kami melangkah setapak lagi ke hadapan apabila bekerjasama dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) untuk melancarkan program pengenalan kemampunan mandatori bagi pengarah syarikat tersenarai awam di Pasaran Utama dan Pasaran ACE. Dengan tujuan untuk memperkuuh keupayaan pengarah untuk menangani kemampunan, program ini melengkapkan Lembaga Pengarah dengan alatan penting untuk memacu dan mengurus risiko kemampunan.

Bursa juga telah memberi perhatian yang ketara pada pembangunan kemampunan dalam pasaran kami iaitu penekanan khusus terhadap kualiti pendedahan kemampunan oleh PLCs. Komitmen terhadap pasaran mampan digariskan di bawah Rangka Kerja Pelaporan Kemampunan yang dipertingkatkan (ESRF) pada bulan September 2022, berkuat kuasa untuk PLCs Pasaran Utama dengan akhir tahun fiskal mulai 31 Disember 2023, dan PLCs Pasaran ACE dengan akhir tahun fiskal mulai 31 Disember 2024. Pada tahun ini, tiga alatan penting telah dilancarkan untuk membantu PLCs dalam usaha mereka memenuhi keperluan pendedahan yang lebih tinggi dan menyepadukan prinsip ESG ke dalam strategi jangka panjang mereka. Alatan ini terdiri daripada Panduan dan Set Peralatan Pelaporan Kemampunan Edisi Ketiga (3rd Edition Sustainability Reporting Guide and Toolkits), Laporan Kemampunan Ilustrasi (Illustrative Sustainability Report atau ISR) dan Siri Video Penjelasan Kemampunan (Sustainability Explainer Video Series). Tambahan lagi, pelancaran Platform Pelaporan ESG Bursa Malaysia – repositori untuk pendedahan kemampunan yang mematuhi format pendedahan yang diperlukan – akan membantu mempromosikan keseragaman dan kebolehbandingan dalam pendedahan kemampunan PLCs serta memudahkan penilaian prestasi dan penanda aras yang lebih baik.

Tujuan kami adalah untuk memangkin perubahan dan kemajuan. Oleh itu, kami akan memperluaskan penarafan FTSE4Good ESG yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dengan memasukkan semua PLCs Pasaran Utama dan Pasaran ACE di Bursa Malaysia, dalam masa terdekat. Dalam tinjauan kami pada 14 Disember 2023 ke atas Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia (F4GBM) dan Indeks Shariah FTSE4Good Bursa Malaysia (F4GBMS), banyak syarikat telah menunjukkan amalan ESG yang lebih kukuh; 11 konstituen baru telah dimasukkan ke dalam setiap indeks yang dinyatakan di atas sejak semakan pada bulan Jun 2023, dan masing-masing mencatatkan kenaikan jumlah konstituen kepada 109 dan 88 PLCs.

Akhir sekali, kami juga menangani keperluan untuk keupayaan kemampunan yang lebih luas dan menyeluruh dalam syarikat-syarikat. Melalui kerjasama dengan rakan industri, kami sedang meneroka cara menjadikan program dan pensijilan berkaitan kemampunan untuk pengamal kemampunan lebih mudah diakses dan relevan. Ini adalah penambahan kepada Rangka Kerja Kecekapan Pengamal Kemampunan Korporat, yang dihasilkan pada tahun 2021 bersama United Nations Global Compact Network Malaysia dan Brunei, untuk mewujudkan kohort pengamal tempatan yang mahir. Ini akan memastikan yang PLCs kami mempunyai pengetahuan, alatan dan bakat untuk mengurus permintaan dan peluang berkaitan kemampunan dengan lebih baik.

Inisiatif yang dinyatakan di atas akan disokong oleh penglibatan dengan PLCs yang berterusan melalui webinar dan perbincangan panel mengenai perkara-perkara berkaitan ESG.

Penyataan Pengerusi



Mengetuai Keber tanggungjawaban Terhadap Perubahan Iklim

Kami berusaha untuk menangani perubahan iklim dengan menjadikannya agenda utama Korporat Malaysia. Inisiatif perubahan iklim kami dipandu oleh aspirasi Pelepasan Karbon Sifar Bersih negara.

Kepentingan perubahan iklim yang semakin meningkat dan kesannya telah menggesa perniagaan dan korporat untuk memikir semula jejak alam sekitar, usaha mitigasi, dan bagaimana mereka membuat persediaan untuk mengurus risiko perubahan iklim dengan lebih baik. Terdapat peningkatan dalam penelitian oleh pihak berkepentingan ke atas PLCs, kesan perubahan iklim ke atas mereka dan tindakan mereka, lebih-lebih lagi bencana berkaitan iklim semakin kerap berlaku dan lebih membinaasan. Sebagai sebuah bursa nasional, Bursa Malaysia mempunyai peranan dalam mempengaruhi amalan perubahan iklim PLCs kami dan menyokong peralihan agenda hijau negara.

Memacu Penyahkarbonan

Kami kini bangga mempunyai Bursa Carbon Exchange (BCX) yang telah beroperasi sepenuhnya. Berikutnya kejayaan lelongan sulung kredit karbon pada 16 Mac 2023, BCX kini memulakan dagangan kredit karbon bermula 25 September 2023.

Menyedari bahawa ekosistem kredit karbon sukarela (VCM) di Malaysia perlu dibina, kami telah menjalinkan kerjasama dengan beberapa rakan niaga pada tahun ini. Contohnya, melalui kolaborasi dengan Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC), kami bersama-sama membangun dan seterusnya melancarkan Buku Panduan VCM (VCM Handbook) dan Direktori VCM (VCM Directory) di Forum Pasaran Karbon Malaysia yang pertama pada 5 Oktober 2023.

BCX juga menandatangani memorandum persefahaman dengan Gold Standard, standard karbon bebas yang kedua terbesar, semasa Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (28th United Nations Framework Convention on Climate Change, COP28) di Dubai, Emiriah Arab Bersatu. Kolaborasi ini akan meningkatkan tawaran kredit karbon dari projek tempatan dan antarabangsa, termasuk projek yang berdaftar di bawah Gold Standard. Sebagai tambahan kepada kredit karbon yang diiktiraf oleh Verra, kami berhasrat untuk memasukkan kredit karbon yang diperakui oleh Gold Standard dalam platform dagangan BCX pada tahun 2024 untuk mengembangkan set kredit karbon berkualiti tinggi kami.

Walaupun BCX masih baru, sudah terdapat permintaan oleh korporat Malaysia untuk BCX menawarkan produk alam sekitar yang lain. Perancangan sedang dibuat untuk mengembangkan penawaran BCX kerana kami berhasrat untuk menawarkan sijil tenaga boleh diperbaharui pada tahun 2024. Kami percaya bahawa dengan menyediakan pasaran yang lebih mudah diakses dan dipercayai bagi produk-produk ini ianya akan menyokong merealisasikan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (National Energy Transition Roadmap, NETR) dengan mengadakan lebih banyak projek karbon dan tenaga boleh diperbaharui, yang kritikal untuk peralihan Malaysia ke arah ekonomi rendah karbon.

Sementara itu, kami juga sedang menyediakan infrastruktur yang diperlukan bagi menyokong aspirasi untuk menjadi negara pelepasan karbon sifar bersih dengan mempromosikan usaha penyahkarbonan oleh syarikat, besar maupun kecil. Pada tahun 2023, kami mula membangunkan Platform Perisikan Kelestarian Berpusat – Centralised Sustainability Intelligence (CSI) Platform – untuk PLCs dan syarikat tidak tersenarai. Apabila siap, syarikat boleh menilai kesan pelepasan karbon mereka, memamerkan data ESG mereka di platform, dan seterusnya menggunakan metriks tersebut untuk memudahkan akses untuk pembiayaan hijau.

Pelepasan karbon sifar bersih bukan hanya satu aspirasi bagi Bursa Malaysia tetapi objektif negara yang terpuji dan kami berbangga untuk turut menyokongnya. Kami percaya syarikat di Malaysia boleh menyumbang dengan lebih lagi untuk menyahkarbon dan membuat perubahan yang ketara dalam amalan alam sekitar mereka, dan peranan kami adalah untuk membantu dan menggalakkan mereka membuat peralihan tersebut.

² Sumber: World Economic Outlook, International Monetary Fund (Januari 2024).

“

Dalam tempoh tiga tahun akan datang, Bursa Malaysia akan memulakan perjalanan bagi merealisasikan aspirasi untuk Maju sebagai Bursa Pelbagai Aset, yang mampu menyokong keperluan ekonomi Malaysia yang berkembang dan melebarkan segmen pelanggan.

”

Melangkah ke Hadapan

Bank Dunia telah mengunjurkan pertumbuhan KDNK global yang perlana bagi tiga tahun berturut-turut kepada 2.4% pada tahun 2024, apabila kecairan yang lebih ketat dan prospek ekonomi yang tidak menentu di beberapa ekonomi utama melemahkan pertumbuhan. Memandangkan ketegangan geopolitik yang berterusan tidak menunjukkan tanda-tanda reda dalam tempoh terdekat, gangguan berterusan kepada perdagangan global dan aliran modal kekal sebagai risiko utama kelemahan pasaran kami.

Namun begitu, prospek bagi ASEAN dan Malaysia adalah lebih cerah, dengan KDNK negara ASEAN-5 dijangka berkembang dengan lebih pantas sebanyak 4.7% pada tahun 2024, berbanding 4.2% pada tahun 2023. Bagi Malaysia, tahun 2024 dijangka akan menjadi tahun pelaksanaan, memandangkan beberapa inisiatif yang digariskan dalam NETR dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (New Industrial Master Plan, NIMP) telah dijadualkan untuk pelaksanaan. Kementerian Kewangan telah mengunjurkan KDNK Malaysia berkembang antara 4% dan 5% pada tahun 2024, yang mana akan dicapai sebahagiannya melalui permintaan domestik yang teguh, mengimbangi cabaran yang timbul dari pertumbuhan global yang sederhana.

Dalam jangkamasa panjang, kami menjangkakan perubahan dalam dinamik ekonomi global dan kemunculan megatrend – termasuk teknologi yang berkembang pesat dan peralihan ke ekonomi hijau – akan meningkatkan jangkaan serta membawa peluang baharu ke pasaran. Maka adalah amat penting bagi kami melaksanakan pembaharuan strategik untuk mewujudkan ekosistem pasaran sedia masa hadapan yang akan memudahkan kewangan yang lebih berdaya tahan dan mampan, serta pertumbuhan ekonomi.

Sebagai pemboleh integral pada pembangunan ekonomi negara, pasaran modal Malaysia tetap menjadi tonggak penting kepada pertumbuhan ekonomi dan penciptaan kekayaan negara. Adalah kritikal bagi kami untuk terus meningkatkan daya saing pasaran modal Malaysia dan terus responsif kepada keperluan perniagaan dan pelanggan, agar terus kekal sebagai pasaran yang dipercayai dan berdaya tahan. Ini telah menjadi objektif strategik Bursa Malaysia sejak beberapa tahun lepas dan ia akan diperkuuhkan lagi dalam Hala Tuju Strategik 2024-2026 (Strategic Roadmap 2024-2026) kami.

Dalam tempoh tiga tahun yang akan datang, Bursa Malaysia akan memulakan langkah bagi merealisasikan aspirasi untuk Maju sebagai Bursa Pelbagai Aset (*Advance as a Multi-Asset Exchange*), yang mampu menyokong keperluan ekonomi Malaysia yang berkembang serta melebarkan segmen pelanggan. Untuk tujuan itu, kami akan meluaskan saluran pengumpulan dana bagi para penerbit – bukan saja dalam ekuiti tetapi juga dalam instrumen hutang. Kami akan mengembangkan penawaran produk dan perkhidmatan kami, memenuhi keperluan sedia ada dan baharu bagi pelbagai pelabur runcit, korporat, dan institusi – yang sedia ada dan pendatang baru. Teknologi dan data akan menjadi pemboleh utama yang akan membantu kami, sementara inovasi digital akan terus memainkan peranan penting dalam pasaran kami.

Kemampunan akan tetap menjadi tema utama mendominasi semua wacana perniagaan pada tahun-tahun akan datang. Dengan ini, teras strategik kami yang diperhalusi iaitu Memacu Kemampunan untuk Pasaran Kami dan di Peringkat Antarabangsa (*Driving Sustainability for Our Marketplace and Internationally*) akan merangkumi kemampunan dan pengharmonian antarabangsa dalam fokus kami.

Tanpa perlu dipersoalkan lagi dalam organisasi kami ini, kami akan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mengukuhkan kedudukan Bursa Malaysia sebagai contoh kepada PLCs Malaysia berkaitan amalan-amalan ESG. Amalan kemampunan dijangka akan bertambah baik, dengan data yang lebih berkualiti, kecekapan operasi yang dipertingkat dan amalan terbaik yang diselaraskan dengan piawaian yang diiktiraf global.

Penyataan Pengerusi

Penghargaan

Secara keseluruhan, tahun ini adalah tahun yang kukuh. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli Lembaga Pengarah atas pandangan dan sumbangan mereka sepanjang tahun 2023. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Encik Ken Pushpanathan yang telah bersara pada 23 Jun 2023 setelah berkhidmat selama sembilan tahun sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif (INED) dan Puan Sharifatu Laila binti Syed Ali, yang meletakkan jawatan pada 16 Ogos 2023 bagi mengambil peranan eksekutif di institusi pelaburan setelah berkhidmat selama tiga tahun sebagai Pengarah Kepentingan Awam dan INED. Kami juga mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Cik Chong Chye Neo yang telah berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengarah selama lima tahun dan mengambil keputusan untuk tidak dipilih semula sebagai INED pada Mesyuarat Agung Tahunan ke-47 yang akan datang. Pada masa yang sama, kami mengalu-alukan Puan Tan Ler Chin yang menyertai Lembaga Pengarah sebagai INED pada 16 Ogos 2023.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya juga ingin merakamkan penghargaan kami kepada semua pihak berkepentingan kami, terutama sekali pihak Pengurusan Bursa Malaysia dan Warga Bursa, atas dedikasi berterusan mereka dalam merealisasikan objektif kami sebagai sebuah bursa. Kami juga ingin merakamkan penghargaan kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, penggubal dasar, syarikat broker, syarikat tersenarai dan rakan industri yang telah menyokong pembangunan pasaran modal dan mengembangkan kesan positif kepada pasaran. Kerjasama dan sokongan anda akan terus diperlukan pada masa akan datang untuk mencapai visi kami '**To be ASEAN's leading, sustainable, and globally connected marketplace**'.

Bursa akan terus bekerja dengan ekosistem yang dinamik untuk menjadikan keseluruhan pasaran kita lebih menarik. Kejayaan Bursa bergantung pada usaha sejajar oleh pelbagai pihak berkepentingan. Kami mengucapkan terima kasih kepada pihak berkepentingan kami dan menggesa semua pihak untuk memainkan peranan mereka dengan proaktif.



Tan Sri Abdul Wahid Omar
Chairman